



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN
KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH RENDAH

SK TAHUN 6

**BAHASA
MELAYU**



PUSAT PERKEMBANGAN KURIKULUM

KANDUNGAN

Rukun Negara	v
Falsafah Pendidikan Kebangsaan	vii
Kata Pengantar	ix
Pendahuluan	1
Matlamat	1
Objektif	1
Organisasi Kurikulum	3
Penerangan Tentang Huraian Sukatan Pelajaran	4
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	7
Sistem Bahasa	10
Pengisian Kurikulum	12
Huraian Sukatan Pelajaran	15

RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita untuk mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil bagi kemakmuran negara yang akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

KELUHURAN PERLEMBAGAAN

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

KESOPANAN DAN KESUSILAAN

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia ialah suatu usaha berterusan ke arah memperkembang potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Kata Pengantar

Huraian sukatan pelajaran ialah dokumen yang memperincikan sukatan pelajaran yang bertujuan untuk memenuhi cita-cita murni dan semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan menyediakan murid menghadapi arus globalisasi serta ekonomi berasaskan pengetahuan pada abad ke-21.

Dokumen ini menyarankan strategi pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi pendekatan berpusatkan murid, serta kepelbagaian teknik dan sumber. Guru digalakkan menggunakan kreativiti untuk memilih, menyusun dan mengolah aktiviti mengikut kesesuaian murid. Huraian ini diharapkan dapat membantu guru merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.


Dalam melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, guru diharapkan dapat memberikan penekanan pada unsur bernilai tambah, iaitu kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran konstruktivisme, dan pembelajaran kontekstual. Di samping itu, nilai murni serta semangat patriotik, dan kewarganegaraan tetap diutamakan. Semua elemen ini diharapkan dapat memberikan keyakinan kepada murid dan boleh diaplikasikan dalam kehidupan harian dan dunia pekerjaan.

Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan Tahun Enam menggariskan hasil pembelajaran yang perlu dikuasai oleh murid berasaskan pendekatan mastery. Hasil pembelajaran tersebut dinyatakan secara eksplisit mengikut aras kesukaran isi kandungan dan tahap keupayaan murid melalui pernyataan dalam Huraian Hasil Pembelajaran. Pernyataan tersebut memberikan cabaran yang sesuai dengan murid dalam pendidikan sekolah

rendah agar dapat melahirkan murid yang berketerampilan menggunakan bahasa Melayu baku.

Dalam menyediakan huraian sukatan pelajaran yang disemak semula ini, banyak pihak yang terlibat terutama guru, pensyarah maktab dan universiti, pegawai Kementerian Pendidikan, dan individu yang mewakili badan-badan tertentu.

Kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan kepakaran, masa, dan tenaga sehingga terhasilnya huraian sukatan pelajaran ini, Kementerian Pendidikan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih.



(Dr. SHARIFAH MAIMUNAH BT. SYED ZIN)

Pengarah

Pusat Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

PENDAHULUAN

Selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996, Bahasa Melayu ialah mata pelajaran teras di semua sekolah rendah dan menengah. Bahasa Melayu berperanan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan rakyat di Malaysia. Pendidikan Bahasa Melayu berhasrat membina rasa bangga terhadap bahasa yang mencerminkan akal budi dan pemikiran rakyat, juga berperanan sebagai pemangkin kepada semangat cinta akan tanah air yang dikongsi bersama oleh semua rakyat dalam satu wawasan. Pendidikan Bahasa Melayu mempunyai potensi untuk dimartabatkan dan diperluas ke peringkat antarabangsa khususnya menerusi teknologi maklumat dan komunikasi.

Kurikulum Bahasa Melayu sekolah rendah bertujuan untuk memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani. Kurikulum Bahasa Melayu menyediakan murid menguasai kecekapan berbahasa dan berkomunikasi dengan menggunakan peraturan tatabahasa secara betul dan tepat. Murid mampu mengungkapkan bidang ilmu daripada pelbagai disiplin atau mata pelajaran di samping mengembangkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah merangkumi kemahiran bahasa, iaitu Kemahiran Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca, dan Kemahiran Menulis. Penumpuan pada kemahiran-kemahiran ini membolehkan murid menggunakan bahasa Melayu secara berkesan dalam kehidupan harian dan sebagai bahasa ilmu untuk pembelajaran seumur hidup. Pendidikan Bahasa Melayu juga memberikan pertimbangan terhadap pelbagai gaya pembelajaran, minat, dan kecerdasan yang berbeza antara satu sama lain di kalangan murid dengan menekankan pembelajaran masteri dan penyerapan kemahiran

bernilai tambah. Aktiviti kokurikulum yang dijalankan di luar waktu sekolah adalah penting sebagai sokongan untuk memantapkan ilmu dan pengalaman pembelajaran di bilik darjah.

Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tahun Enam merupakan perincian kepada kandungan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah dan berfungsi sebagai panduan untuk guru dalam pengajaran dan pembelajaran. Huraian sukatan pelajaran ini disediakan bagi setiap tahun pembelajaran, iaitu tahun satu hingga tahun enam.

Huraian sukatan pelajaran ini mengandungi Matlamat, Objektif, Organisasi Kurikulum, Penerangan tentang Huraian Sukatan Pelajaran, dan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran. Organisasi Kurikulum merangkumi Kemahiran Bahasa, Hasil Pembelajaran, Sistem Bahasa, dan Pengisian Kurikulum.

MATLAMAT

Matlamat kurikulum Bahasa Melayu sekolah rendah adalah untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri dalam urusan harian, perhubungan sosial dan memperoleh ilmu.

OBJEKTIF MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU SEKOLAH RENDAH

Pada akhir sekolah rendah murid dapat:

- i. mendengar dan memahami pengucapan dengan teliti serta menghayatinya dalam konteks perbualan harian dan situasi formal;

- ii. bertutur dengan petah menggunakan sebutan dan intonasi yang betul dalam pelbagai situasi;
- iii. berbincang dan berkongsi pendapat untuk menyelesaikan masalah, mencapai persetujuan, dan membuat keputusan tentang sesuatu perkara;
- iv. membaca pelbagai bahan sastera dan bahan bukan sastera dengan menggunakan teknik membaca yang sesuai dan berkesan untuk memperoleh ilmu dan memproses maklumat secara kritis;
- v. memupuk minat membaca sebagai satu amalan ke arah membina budaya pembelajaran berterusan;
- vi. memperkembang imaginasi, kreativiti, pemikiran kritis, dan penghayatan nilai murni melalui aktiviti bertutur, membaca, dan menulis;
- vii. mengenali dan menghasilkan pelbagai jenis penulisan kreatif dan berunsur pengetahuan dengan menggunakan kemahiran menulis serta proses penulisan yang sesuai dan betul;
- viii. menggunakan bahasa baku yang meliputi tatabahasa, ejaan, kosa kata, serta sebutan dan intonasi yang betul dalam aktiviti mendengar, bertutur, membaca, dan menulis;
- ix. menghargai dan menghayati keindahan bahasa melalui karya sastera dan karya bukan sastera; dan
- x. menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif, semangat patriotik, dan kewarganegaraan.

OBJEKTIF MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU SEKOLAH KEBANGSAAN TAHUN ENAM

Pada akhir tahun enam murid dapat:

- i. mendengar dengan teliti serta memahami pengucapan dalam konteks perbualan harian dan situasi formal;
- ii. bertutur dengan petah menggunakan sebutan dan intonasi yang betul secara bertatasusila;
- iii. berbincang dan berkongsi pendapat tentang sesuatu perkara;
- iv. membaca pelbagai bahan sastera dan bukan sastera yang berunsur ilmu;
- v. menghasilkan pelbagai jenis penulisan dengan menggunakan proses penulisan yang sesuai;
- vi. menulis teks dengan menggunakan tulisan berangkai yang kemas dan cantik;
- vii. menghasilkan karangan dengan menggunakan tidak kurang daripada 80 perkataan;
- viii. menggunakan bahasa baku yang meliputi tatabahasa, kosa kata, sistem ejaan, dan sebutan yang betul;
- ix. mengamalkan budaya membaca dalam kehidupan seharian; dan
- x. menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif, dan semangat patriotisme.

ORGANISASI KURIKULUM

Kandungan Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu ini meliputi Kemahiran Bahasa, Hasil Pembelajaran, Sistem Bahasa, dan Pengisian Kurikulum. Semua perkara ini dinyatakan di bawah:

a. Kemahiran Bahasa

Kemahiran bahasa meliputi kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca, dan kemahiran menulis. Kemahiran bahasa ini merupakan teras kepada penguasaan bahasa baku.

Kemahiran mendengar merujuk kepada keupayaan murid mendengar dengan teliti, memahami, dan menghayati perkara yang didengar dalam pelbagai situasi pengucapan, serta dapat memberikan maklum balas.

Kemahiran bertutur merujuk kepada keupayaan murid berbicara secara lisan untuk menjalin hubungan, menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan, serta idea yang kritis dan kreatif, dengan sebutan dan intonasi yang betul secara sopan. Penekanan diberikan pada pengucapan yang menggunakan tatabahasa yang betul.

Kemahiran membaca merujuk kepada keupayaan murid membaca dengan sebutan, intonasi, jeda, dan kelancaran yang betul. Penekanan perlu diberikan pada aspek pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan ilmu dan sastera secara kritis dengan menggunakan pelbagai teknik bacaan. Di samping itu, murid berupaya menghayati teks yang dibaca.

Kemahiran menulis merujuk kepada keupayaan murid menulis perkataan dan ayat, serta mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan kreatif yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi dengan menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas dan kemas. Murid juga digalakkan menggunakan kreativiti mereka untuk menghasilkan penulisan bahan ilmu dan imaginatif.

b. Hasil Pembelajaran

Hasil pembelajaran ialah pernyataan yang ditafsirkan daripada objektif kurikulum bahasa. Pernyataan hasil pembelajaran merupakan petunjuk yang jelas tentang set kemahiran yang perlu dicapai oleh murid. Hasil pembelajaran dibina dengan menyepadukan kemahiran bahasa, sistem bahasa, dan pengisian kurikulum. Oleh itu, murid perlu menguasai kemahiran berbahasa yang terdapat dalam setiap hasil pembelajaran. Hasil pembelajaran dapat membantu guru memilih kandungan, kaedah, sumber, dan prosedur pengajaran yang relevan dan berkesan. Pendekatan yang berfokus pada gaya pembelajaran yang pelbagai dapat membantu murid mencapai hasil pembelajaran. Selain itu, hasil pembelajaran juga membantu dalam membuat pengukuran dan penilaian pencapaian murid.

c. Sistem Bahasa

Sistem bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran merujuk kepada bahasa Melayu baku yang terdiri daripada tatabahasa, sistem ejaan, sebutan dan intonasi, kosa kata, dan peribahasa. Pelaksanaan sistem bahasa dalam pendidikan Bahasa Melayu membolehkan murid menggunakan dan mengamalkan bahasa Melayu baku.

d. Pengisian Kurikulum

Pengisian kurikulum terdiri daripada elemen yang mencantumkan teras utama dalam kehidupan masyarakat Malaysia dan perkembangan terkini dalam pendidikan, iaitu ilmu, nilai murni, kewarganegaraan, peraturan sosiobudaya, dan kemahiran bernilai tambah, iaitu kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran konstruktivisme dan pembelajaran kontekstual. Semua elemen ini dapat diaplikasikan oleh murid dalam dunia pekerjaan. Di samping itu, nilai murni, serta patriotisme dan kewarganegaraan diberikan penekanan selaras dengan matlamat negara untuk membangunkan masyarakat madani.

PENERANGAN TENTANG HURAIAN SUKATAN PELAJARAN

Huraian Sukatan Pelajaran Tahun Enam dipersembahkan dalam tiga lajur. Lajur pertama ialah Hasil Pembelajaran. Lajur kedua Huraian Hasil Pembelajaran, dan lajur ketiga ialah Cadangan Aktiviti / Nota.

a. Hasil Pembelajaran

Hasil Pembelajaran dalam lajur pertama mengandungi pernyataan hasil pembelajaran yang terdapat dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah. Pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu memberikan tumpuan pada murid untuk menguasai hasil pembelajaran.

Hasil pembelajaran tahun enam adalah seperti yang berikut:

Kemahiran Bahasa	Hasil Pembelajaran	Kemahiran Berbahasa
Mendengar & Bertutur	1.0	1.1, 1.2, 1.3, 1.4, 1.5, 1.6
	2.0	2.1, 2.2
	3.0	3.1, 3.2, 3.3
	4.0	4.1, 4.2, 4.3, 4.4
Membaca	5.0	5.1, 5.2
	6.0	6.1, 6.2, 6.3, 6.4, 6.5, 6.6
	7.0	7.1, 7.2, 7.3
Menulis	8.0	8.1, 8.2, 8.3, 8.4, 8.5, 8.6
	9.0	9.1, 9.2, 9.3
	10.0	10.1, 10.2, 10.3
	11.0	11.1, 11.2, 11.3, 11.4

Hasil pembelajaran bagi kemahiran mendengar dan bertutur merangkumi kemahiran berbual, bercerita, menyampaikan maklumat dan berbincang. Kemahiran membaca pula memberikan penekanan pada kemahiran membaca kuat, membaca dan memahami maklumat, serta membaca, menaakul, dan menghayati teks yang dibaca. Bagi kemahiran menulis, tumpuan diberikan pada kemahiran menggunakan pelbagai jenis ayat, dalam menghasilkan penulisan. Penekanan juga diberikan pada kemahiran mencatat dan menyusun maklumat serta menghasilkan penulisan kreatif dan bukan kreatif.

b. Huraian Hasil Pembelajaran

Huraian Hasil Pembelajaran dalam lajur kedua menyatakan secara jelas aras kemahiran yang perlu dicapai oleh murid mengikut tahap keupayaan dan kemajuan mereka sama ada pada Aras 1, Aras 2, atau Aras 3. Aras 1 ialah aras paling asas yang harus dicapai oleh semua murid. Kandungan kurikulum bagi aras ini adalah yang paling minimum yang harus dikuasai oleh semua murid. Aras 2 ialah aras bagi murid yang berprestasi sederhana manakala Aras 3 ialah aras paling tinggi bagi murid yang berprestasi cemerlang. Pementakan berdasarkan aras ini sejajar dengan pembelajaran mastery dan membolehkan murid yang cemerlang terus maju tanpa mengabaikan murid yang berprestasi rendah.

Apabila murid berupaya mencapai Aras 1, maka mereka boleh meneruskan pembelajaran ke Aras 2 dan seterusnya ke Aras 3. Sekiranya seseorang murid masih tidak berupaya mencapai Aras 1, maka guru hendaklah melatih dan membimbing murid tersebut sehingga mereka menguasai aras tersebut sepenuhnya. Dalam hal ini, penilaian terhadap pencapaian murid bagi setiap aras perlu dilaksanakan untuk mengenal pasti sama ada murid perlu dibimbing lagi atau boleh beralih ke pelajaran seterusnya.

c. Cadangan Aktiviti / Nota

Cadangan Aktiviti / Nota dalam lajur ketiga mengandungi cadangan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta bahan bantu belajar di bilik darjah. Cadangan tersebut disesuaikan dengan Huraian Hasil Pembelajaran serta mengambil kira elemen yang terkandung dalam pengisian kurikulum, contohnya kemahiran meramal dan membuat pilihan

menggunakan kajian masa depan atau mengaplikasikan jenis kecerdasan pelbagai yang unik bagi seseorang murid. Semua cadangan ini hanyalah sebagai panduan untuk guru. Guru boleh mengubah suai atau memilih teknik atau aktiviti lain yang sesuai dengan kebolehan murid.

Paparan Contoh Huraian Sukatan Pelajaran

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>10.0 Menghasilkan penulisan kreatif dan bukan kreatif</p> <p>→ 10.1 Menghasilkan pelbagai genre (prosa dan puisi) termasuk e-mel yang mudah, menarik, dan bermakna.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Mengenal pasti isi daripada pelbagai sumber berdasarkan tajuk.</p> <p>→ ii. Membina draf karangan yang lengkap.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Merujuk pelbagai sumber untuk mendapatkan maklumat. <p>→</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membina kerangka karangan berdasarkan maklumat yang diperoleh.

Kemahiran berbahasa

Huraian kemahiran berbahasa

Cadangan aktiviti / nota

Hasil pembelajaran

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

a. Pendekatan Berpusatkan Murid

Strategi pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan Bahasa Melayu haruslah berpusatkan murid bagi membolehkan mereka berinteraksi dan menguasai kemahiran belajar melalui pengalaman sendiri. Oleh itu, murid dapat membina keyakinan berbahasa. Pendekatan berpusatkan murid selari dengan pembelajaran masteri yang menekankan keperluan memastikan murid menguasai hasil pembelajaran yang ditetapkan. Melalui pembelajaran masteri murid diberi peluang untuk maju mengikut kadar keupayaan mereka sendiri. Dalam hal ini aktiviti penilaian, pemulihan, dan pengayaan perlu dijadikan sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran.

b. Kepelbagaian Teknik

Pendidikan Bahasa Melayu sekolah rendah menggalakkan penggunaan pelbagai kaedah mengajar. Guru boleh memilih pendekatan, kaedah serta teknik pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan kebolehan murid. Kaedah dan teknik perbincangan, simulasi, projek, dan inkuiri berasaskan pembelajaran kajian masa depan, kecerdasan pelbagai dan konstruktivisme umpamanya, dapat meningkatkan minat murid terhadap pelajaran. Keberkesanan pengajaran bergantung pada pengolahan teknik dan penggunaan bahan bantu dan teknologi yang dapat merangsang dan menggalakkan murid berinteraksi serta berfikir secara kritis dan kreatif.

c. Kepelbagaian Sumber Bahan

Penggunaan pusat sumber dan komputer sangatlah digalakkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Bahan-bahan seperti akhbar, majalah, buku rujukan, kamus, bahan daripada internet, perisian kursus, serta bahan sastera dan bukan sastera hendaklah digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran dan untuk bacaan luas.

d. Penggunaan Tatabahasa yang Tepat

Pendidikan Bahasa Melayu sekolah rendah menekankan penggunaan tatabahasa yang tepat. Untuk mencapai tujuan tersebut, guru perlu merancang dan memilih aspek tatabahasa yang hendak diajarkan berserta contoh penggunaannya dalam pelbagai konteks dan kegiatan bahasa yang bermakna sama ada di dalam atau di luar bilik darjah.

e. Pengajaran dan Pembelajaran Bertema

Pendekatan bertema amat digalakkan dalam pengajaran bahasa. Melalui pengajaran dan pembelajaran bertema, kemahiran bahasa, pembelajaran tatabahasa dan pengembangan kosa kata dapat disepadukan dan dikukuhkan. Di samping itu, ilmu daripada mata pelajaran dan disiplin lain lebih mudah diserapkan. Bagi tujuan ini, guru perlu merancang dan menentukan tema bagi pengajarannya yang meliputi bidang ilmu, hal persendirian dan kemasyarakatan serta isu semasa.

f. Bacaan Luas

Bacaan luas memberikan peluang kepada murid untuk menimba ilmu pengetahuan dan membentuk sahsiah yang baik bagi meningkatkan daya berfikir dan minat ingin terus membaca. Bacaan luas boleh dijalankan dalam pendidikan Bahasa Melayu dengan menggunakan bahan ilmiah dan bahan sastera. Pengajaran dan pembelajaran boleh dilaksanakan secara serapan.

g. Penggabungjalinan

Penggabungjalinan merupakan proses yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran. Melalui proses ini, beberapa kemahiran dapat dikuasai serentak. Penggabungjalinan berlaku antara hasil pembelajaran, serta antara kemahiran bahasa dengan tatabahasa, kosa kata, dan peribahasa. Penggabungjalinan ini dihuraikan seperti yang berikut:

- i. Kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis boleh digabungkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, sekurang-kurangnya antara dua kemahiran. Misalnya kemahiran mendengar dan bertutur digabungjalinkan dengan kemahiran menulis. Penggabungjalinan kemahiran bahasa ini bertujuan untuk mencapai hasil pembelajaran.
- ii. Tatabahasa boleh digabungkan secara terancang dalam konteks dengan kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.
- iii. Kosa kata dan peribahasa yang hendak diajarkan harus digabungkan secara terancang dengan semua aktiviti kemahiran bahasa, misalnya melalui aktiviti lakonan atau

perbahasan; membaca teks yang mengandungi kosa kata (sama ada kata umum atau istilah), dan peribahasa; serta melalui latihan menggunakan kosa kata dan peribahasa yang betul dalam pelbagai genre penulisan.

h. Penyerapan

Penyerapan ialah proses menerapkan pelbagai bidang ilmu, nilai murni, dan kemahiran bernilai tambah dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Penyerapan unsur-unsur ini dihuraikan seperti yang berikut:

- i. Isi pelajaran Bahasa Melayu menerapkan pelbagai bidang ilmu serta pelbagai tema yang mencakup hal-hal persendirian dan kemasyarakatan.
- ii. Semangat kewarganegaraan dan nilai murni masyarakat Malaysia yang berlandaskan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan hendaklah diserapkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Meskipun penyerapan dilakukan secara sedar dan terancang namun murid menyerap ilmu dan nilai tersebut secara natural.
- iii. Kemahiran berfikir hendaklah diserapkan secara terancang dengan kemahiran mendengar dan bertutur, membaca dan menulis. Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu ini memberikan penekanan pada kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran.

Kemahiran berfikir yang perlu diserapkan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa adalah seperti yang berikut:

- Mencirikan
- Mengelaskan, mengumpulkan, mengkategorikan

- Menghubungkan
- Membandingkan dan membezakan
- Menyusun atur
- Menentukan urutan
- Mengenal pasti kenyataan benar atau palsu
- Membezakan fakta dengan pendapat
- Menganalisis
- Mengesan kecondongan pendapat
- Mengenal pasti sebab akibat
- Meramalkan
- Mensintesis
- Mengitlak
- Menganalogikan
- Membuat inferens
- Membuat kesimpulan
- Menginterpretasikan, mentafsirkan
- Mengenal pasti idea utama dan idea sokongan
- Menilai
- Menjanakan idea
- Mereka cipta
- Merumuskan, meringkaskan
- Membuat keputusan
- Menyelesaikan masalah

Untuk membolehkan kemahiran berfikir dikuasai oleh murid, alat berfikir seperti penyusun grafik, soalan (bertumpu, bercapah, dan lingkaran soalan) serta peta minda perlu digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

- iv. Kemahiran bernilai tambah yang lain, iaitu kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran konstruktivisme dan pembelajaran

kontekstual juga perlu diserapkan dengan mengambil kira kesesuaiannya dengan hasil pembelajaran yang ingin dicapai, kebolehan murid, serta sumber yang ada.

i. Penilaian

Penilaian ialah sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Penilaian merupakan aktiviti untuk mendapatkan maklumat yang berguna bagi menentukan pencapaian sesuatu hasil pembelajaran dan objektif pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, penilaian yang berterusan perlu dijalankan. Melalui penilaian yang berterusan, guru dapat memastikan tindakan susulan yang perlu diambil terhadap seseorang murid, sama ada dalam bentuk aktiviti pemulihan atau pengayaan.

j. Pemulihan

Aktiviti pemulihan disediakan untuk membantu murid menguasai hasil pembelajaran yang belum dicapai. Aktiviti ini dilaksanakan mengikut kadar kemampuan murid.

k. Pengayaan

Aktiviti pengayaan perlu diberikan penekanan kerana murid berbeza tahap kebolehan, keupayaan, bakat dan minat. Murid yang menguasai hasil pembelajaran lebih awal atau dalam jangka masa yang ditetapkan diberikan aktiviti atau tugas yang lebih mencabar untuk dilaksanakan secara bersendirian atau dengan bimbingan guru.

SISTEM BAHASA

Sistem bahasa berfokus pada pengajaran dan pembelajaran tatabahasa, sistem ejaan, sebutan dan intonasi, kosa kata, dan peribahasa. Penerangan ringkas bagi perkara tersebut dinyatakan di bawah.

a. Tatabahasa

Tatabahasa hendaklah dijadikan dasar kecekapan berbahasa dan diajarkan secara terancang dalam konteks untuk ketepatan berbahasa. Kandungan tatabahasa terdiri daripada morfologi dan sintaksis.

I. Morfologi

Morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk dan golongan kata. Struktur kata ialah susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang (tulisan) yang menjadi unit bahasa yang bermakna. Bentuk kata pula ialah rupa unit tatabahasa sama ada bentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan, dan penggandaan. Penggolongan kata ialah proses menjeniskan perkataan berdasarkan keserupaan bentuk dan fungsi dengan anggota lain dalam golongan kata yang sama. Aspek morfologi yang diberikan tumpuan ialah:

- i. Struktur kata yang merujuk kepada pola suku kata bagi:
 - kata asli bahasa Melayu
 - kata pinjaman bahasa Melayu
- ii. Bentuk kata terdiri daripada:
 - kata tunggal
 - kata terbitan

- kata majmuk
- kata ganda

Proses pembentukan kata bahasa Melayu meliputi:

- pengimbuhan
- penggandaan
- pemajmukan

Antara ketiga-tiga proses pembentukan di atas, yang amat kompleks ialah pengimbuhan. Oleh itu, penekanan hendaklah diberikan pada aspek penggunaan imbuhan yang betul dari sudut bentuk dan makna, termasuk aspek baru dalam proses pengimbuhan.

iii. Golongan kata terdiri daripada:

- kata nama
- kata kerja
- kata adjektif
- kata tugas

II. Sintaksis

Sintaksis ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur, dan binaan atau konstruksi ayat. Ini bermakna, bidang sintaksis ialah kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan untuk membentuk ayat. Aspek sintaksis yang diberikan tumpuan ialah:

- i. Unsur utama ayat yang terdiri daripada kata, frasa, klausa dan pembinaannya, serta pembahagian subjek dan predikat

- ii. Jenis ayat, iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah, dan ayat seruan
- iii. Ragam ayat, iaitu ayat aktif dan ayat pasif
- iv. Susunan ayat, iaitu susunan biasa dan songsang
- v. Binaan ayat:
 - ayat dasar
 - ayat tunggal
 - ayat terbitan atau majmuk
- vi. Proses penerbitan ayat:
 - konsep ayat terbitan
 - proses pengguguran
 - proses penyusunan semula
 - proses peluasan
- vii. Aspek tanda baca

b. Sistem Ejaan

Perkara yang ditekankan ialah:

- i. Pola keselarasan huruf vokal
- ii. Ejaan kata pinjaman
- iii. Ejaan kata dasar dan kata terbitan

c. Sebutan dan Intonasi

Sebutan dan intonasi diajarkan supaya murid dapat menyebut perkataan dan ayat dengan betul serta memahami intonasi dan jeda. Kemahiran yang dipupuk ialah kebolehan mengenal pasti dan membezakan pelbagai aspek dalam sebutan dan intonasi supaya murid dapat menyampaikan maksud dengan tepat.

i. Sebutan

Sebutan diajarkan supaya murid dapat menyebut kata dengan betul. Sebutan bahasa Melayu yang

diajarkan di sekolah hendaklah sebutan bahasa Melayu baku.

ii. Intonasi

Intonasi ayat bahasa Melayu hendaklah diajarkan mengikut pola ayat yang berikut:

- ayat penyata
- ayat tanya
- ayat perintah
- ayat seruan
- ayat terbalik atau songsang
- ayat aktif
- ayat pasif

Pola intonasi bagi ayat yang panjang juga perlu diajarkan agar murid dapat menyampaikan maksud dengan jelas.

* Buku **Tatabahasa Dewan Edisi Baharu** ialah buku tatabahasa pegangan yang menjadi sumber rujukan dalam pengajaran dan pembelajaran.

* Buku **Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia Edisi Kedua** ialah buku panduan ejaan yang menjadi rujukan dalam pengajaran dan pembelajaran.

d. Kosa kata

Kosa kata terdiri daripada kosa kata umum dan istilah. Penguasaan kosa kata di peringkat sekolah rendah perlu dikukuhkan, ditingkatkan dan dikembangkan selaras dengan pertambahan ilmu dalam mata pelajaran peringkat sekolah rendah.

e. Peribahasa

Peribahasa merangkumi simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, bidalan, perbilangan, dan kata hikmat yang perlu diajarkan dalam pendidikan Bahasa Melayu. Pemilihan peribahasa hendaklah mengutamakan falsafah, keperibadian, dan nilai murni masyarakat Malaysia. Peribahasa hendaklah diajarkan dalam konteks. Buku-buku peribahasa Melayu boleh dijadikan sumber rujukan.

PENGISIAN KURIKULUM

Elemen dalam pengisian kurikulum ialah ilmu, nilai murni, kewarganegaraan, peraturan sosiobudaya, dan kemahiran bernilai tambah. Semua elemen ini diserapkan dalam konteks bagi kemahiran bahasa yang terdapat dalam Hasil Pembelajaran. Penerangan ringkas bagi setiap pengisian ini adalah seperti yang berikut:

a. Ilmu

Ilmu merangkumi pelbagai bidang ilmu dan disiplin, contohnya ilmu bidang sains dan geografi yang boleh digunakan untuk memperkembang ilmu bahasa dan kemahiran bahasa. Ilmu juga termasuk perkara semasa yang boleh dipertimbangkan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran.

b. Nilai Murni

Penyerapan nilai murni dalam pendidikan Bahasa Melayu adalah untuk melahirkan insan yang baik serta memiliki akhlak mulia. Selain itu, penghayatan dan amalan nilai murni

bertujuan untuk membentuk generasi muda yang berhemah tinggi dan berperibadi mulia. Pemahaman dan kesedaran tentang nilai murni masyarakat Malaysia harus dipupuk sama ada secara langsung atau tidak langsung, selaras dengan nilai sejagat.

Nilai murni ini ialah:

- Baik hati
- Berdikari
- Hemah tinggi
- Hormat-menghormati
- Kasih sayang
- Keadilan
- Kebebasan
- Keberanian
- Kebersihan fizikal dan mental
- Kejujuran
- Kerajinan
- Kerjasama
- Kesederhanaan
- Kesyukuran
- Patriotisme
- Rasional
- Semangat bermasyarakat

c. Kewarganegaraan

Penyerapan unsur patriotisme dan kewarganegaraan dalam pendidikan Bahasa Melayu mengutamakan pemupukan semangat cinta dan taat akan tanah air. Pemupukan unsur ini bertujuan untuk melahirkan warganegara yang baik dan meningkatkan komitmen terhadap bangsa dan negara.

d. Peraturan Sosiobudaya

Peraturan sosiobudaya dalam pendidikan Bahasa Melayu meliputi kesantunan bahasa, laras bahasa, dan peribahasa. Peraturan sosiobudaya ini mencerminkan falsafah dan keperibadian masyarakat Malaysia.

e. Kemahiran Bernilai Tambah

Kemahiran bernilai tambah ialah kemahiran yang diajarkan dalam bilik darjah dan dapat diaplikasikan dalam dunia sebenar murid dan dalam senario dunia yang global. Kemahiran bernilai tambah yang dimaksudkan ialah kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran konstruktivisme, dan pembelajaran kontekstual. Penerangan ringkas tentang kemahiran bernilai tambah dinyatakan seperti yang berikut:

i. Kemahiran Berfikir

Kemahiran berfikir diajarkan kepada murid melalui soalan dan aktiviti yang memerlukan pemikiran kritis dan kreatif dalam aktiviti mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Kemahiran berfikir, sama ada dari segi mengkonsepsikan idea, menyelesaikan masalah, atau membuat keputusan adalah penting dalam kehidupan harian dan kerjaya murid pada masa depan.

ii. Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi perlu diajarkan kepada murid supaya mereka dapat menggunakan komputer untuk tujuan komunikasi seperti menghantar dan menerima e-mel, menggunakan aplikasi perisian dalam menyempurnakan tugas harian, dan mengakses maklumat melalui internet.

iii. Kemahiran Belajar Cara Belajar

Kemahiran belajar cara belajar perlu diajarkan kepada murid supaya mereka peka terhadap teknik pembelajaran

yang berkesan. Penguasaan kemahiran ini membolehkan murid meningkatkan pengetahuan dan cekap bertindak untuk menghadapi dunia yang sering berubah, dan mengamalkan pembelajaran seumur hidup.

iv. Kajian Masa Depan

Kajian masa depan ialah satu pendekatan pengajaran untuk mendidik murid agar lebih prihatin terhadap sesuatu perkara atau isu yang berlaku pada masa lampau, masa kini, dan masa depan. Ini bermakna murid dapat membuat ramalan, menjangka akibat, serta mengendalikan perubahan supaya murid mendapat manfaat yang maksimum.

v. Kecerdasan Pelbagai

Kecerdasan pelbagai merangkumi verbal-linguistik, logik-matematik, muzik, kinestetik, visual-ruang, interpersonal, intrapersonal, dan naturalis. Oleh itu, guru perlu mengembangkan potensi kecerdasan murid dengan menyediakan gaya pembelajaran yang sesuai dengan minat dan kecenderungan mereka kerana setiap individu mempunyai kecerdasan dan kebolehan yang berbeza.

vi. Pembelajaran Konstruktivisme

Pembelajaran konstruktivisme dalam pendidikan dapat melahirkan murid yang boleh membina pemahaman dan pengetahuan baru mereka sendiri berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Pembelajaran ini menjadikan murid lebih faham, yakin, dan seronok untuk belajar sepanjang hayat.

vii. Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran kontekstual ialah kaedah pembelajaran yang mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman harian murid, masyarakat, dan alam pekerjaan. Pembelajaran ini disampaikan dalam persekitaran yang pelbagai, secara konkrit, serta melibatkan latihan amal dan berfikir. Pembelajaran berlaku apabila murid berupaya menghubungkan pengetahuan baru secara bermakna dan menghayati kerelevanan pembelajaran dengan kehidupan mereka.

Kemahiran Mendengar merujuk kepada keupayaan murid mendengar dengan teliti, memahami, dan menghayati perkara yang didengar dalam pelbagai situasi pengucapan, serta dapat memberikan maklum balas.

Kemahiran Bertutur merujuk kepada keupayaan murid berbicara secara lisan untuk menjalin hubungan, menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan, serta idea yang kritis dan kreatif, dengan sebutan dan intonasi yang betul secara sopan. Penekanan diberikan pada pengucapan yang menggunakan tatabahasa yang betul.


Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>1.0 Berbual dengan keluarga, rakan sebaya dan pihak lain dalam situasi formal dan tidak formal</p> <p>1.1 Berbual tentang sesuatu perkara berkaitan kehidupan seharian dengan menggunakan kata, ungkapan, ayat, sebutan, intonasi dan nada yang sesuai.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Berinteraksi dengan pihak lain berkaitan sesuatu topik.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Menggunakan gelaran dan kata panggilan yang sesuai dalam perbualan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Berbual tentang isu semasa. Contoh situasi: Kitar semula • Main peranan untuk membiasakan penggunaan kata gelaran dan kata panggilan yang sesuai. Contoh gelaran: Y. Bhg. Datuk, Datin Yang Arif - hakim mahkamah Yang Mulia - Raja & Tengku

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	<p>Aras 3</p> <p>i. Menerima teguran dengan hati yang terbuka dalam perbualan.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Melakonkan dialog yang ada unsur-unsur penerimaan teguran. Contoh situasi: Membuat teguran tentang penggunaan kata yang kurang manis seperti dialog berikut: Rosman: Taqif, Cikgu Rozi minta kamu hantar buku <u>dia</u> ke bilik guru. Taqif: Salah tu Rosman, kamu tidak boleh guna <u>dia</u> untuk guru. Sepatutnya kamu guna <u>beliau</u>, bukan <u>dia</u>. Rosman: Terima kasih atas teguran awak.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>1.2 Bertanya dan menjawab tentang sesuatu perkara secara bertatasusila.</p>	<p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mengemukakan soalan tanpa kata tanya. ii. Mengajukan soalan yang menggunakan kata tanya dan tanpa kata tanya untuk mendapatkan huraian dan penerangan. iii. Memberikan jawapan yang tepat dengan alasan yang munasabah. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mengemukakan soalan yang relevan tentang topik yang dibincangkan. ii. Memberikan penjelasan terhadap jawapan yang diberikan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Membezakan ayat tanya tanpa kata tanya dengan ayat penyata dalam petikan dialog yang dirakamkan. • Menemu ramah seseorang seperti Pengerusi Jawatan kuasa Pertandingan Bintang Kecil. • Memberikan jawapan yang tepat dengan alasan yang munasabah. • Menjalankan praperbincangan secara kumpulan untuk membina soalan sebagai persediaan sesi forum. Contoh tajuk forum: Murid sering dibebani dengan kerja rumah. • Simulasi memberikan penjelasan terhadap jawapan yang diberikan sebagai ahli panel forum.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	<p>Aras 3</p> <p>i. Berbual secara bertatasusila tentang sesuatu perkara dengan menggunakan soalan pelbagai aras.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Bersoal jawab tentang tokoh yang telah mengharumkan nama negara seperti Alex Yong dan Mohd Hafiz Hashim dalam bidang sukan dan Siti Nurhaliza dalam bidang seni. <p>Contoh soalan Soalan Aras 1 Sejak bilakah saudara Mohd Hafiz mula bermain badminton?</p> <p>Soalan Aras 2 Bagaimanakah dia menghadapi saat genting dalam sesuatu pertandingan?</p> <p>Soalan Aras 3 Pada pendapat kamu bolehkah Mohd Hafiz merangkul juara seluruh England sekali lagi? Jelaskan pendapat kamu.</p>

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>1.3 Memberikan dan memahami arahan serta pesanan tentang sesuatu perkara.</p>	<p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Memberikan arahan serta menyampaikan pesanan dengan menggunakan intonasi yang betul dan bersopan. ii. Memberikan arahan serta menyampaikan pesanan mengikut keutamaan. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mendengar arahan serta pesanan dengan teliti untuk membuat tindakan wajar. ii. Melaksanakan arahan serta pesanan dengan cepat dan terancang. 	<ul style="list-style-type: none"> • Simulasi memberikan arahan kepada rakan cara mendapatkan barangan atau perkhidmatan. Contoh: Cara membeli makanan haiwan peliharaan <ul style="list-style-type: none"> - di mana - berapa harga - jenis yang sesuai • Menyampaikan arahan serta pesanan dengan teratur mengikut keutamaan. Contoh: Beli makanan berjenama X. Simpan makanan itu dalam bekas kedap udara supaya tidak mudah rosak. • Permainan Bahasa 'Melaksana Arahan' Cara permainan dilaksanakan Seorang memberikan arahan dan yang lain mendengar, memahami dan melaksanakannya. <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-top: 10px;"> <p>Contoh arahan: Cari satu alat permainan yang dapat memberikan pengetahuan tentang perniagaan di tempat yang berkunci di kawasan yang tersimpan banyak buku rujukan. Dapatkan anak kunci yang bertulis PD daripada petugas. Pergi ke almari yang ada perkataan PD dan ambil alat permainan itu.</p> </div>

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	<p>Aras 3</p> <p>i. Memberikan arahan secara ringkas dan tepat.</p> <p>ii. Mendengar arahan serta pesanan dengan teliti untuk membuat tindakan yang tepat.</p> <p>iii. Melaksanakan arahan serta pesanan dengan cepat dan tersusun berpandukan peraturan-peraturan tertentu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Latihan memberikan arahan kepada rakan untuk membina rajah. Contoh arahan: <ol style="list-style-type: none"> Lukis satu bulatan pada bahagian tengah kertas. Buat 4 garis pancaran yang seimbang pada bulatan. Lukis segi empat sama pada hujung setiap garis pancaran. <p>Contoh rajah yang perlu dilukis:</p>  Simulasi menghadapi kebakaran dalam bilik darjah. Guru memberikan arahan dan murid melaksanakan arahan mengikut peraturan sekolah masing-masing. Melaksanakan arahan serta pesanan yang diberikan melalui teknik main peranan.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>1.4 Menyatakan permintaan secara berterus-terang dan meyakinkan dengan menggunakan intonasi dan unsur paralinguistik yang sesuai untuk menguatkan permintaan.</p>	<p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menggunakan perkataan, ayat dan paralinguistik yang sesuai untuk menyatakan sesuatu permintaan. ii. Mengemukakan hasrat dengan memberikan alasan yang kukuh. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Memberi penjelasan tentang sesuatu perkara yang diminta dengan sopan. ii. Mengemukakan pendapat untuk memujuk pihak tertentu dengan menggunakan kata, ungkapan, ayat, intonasi, dan gaya yang sesuai. 	<ul style="list-style-type: none"> • Menonton sedutan drama atau filem yang ada adegan yang berkaitan dengan sesuatu permintaan. Contoh: Adegan daripada filem Bujang Lapok yang menunjukkan P. Ramlee hendak meminjam dapur daripada tuan rumah. • Meniru aksi lakonan cara menyatakan permintaan atau hasrat. • Simulasi seorang anak murid merayu kepada guru supaya membenarkan dia menyertai Persatuan Bulan Sabit Merah walaupun unit tersebut sudah cukup ahli dengan memberikan alasan yang meyakinkan. Contoh: Murid: Cikgu, terimalah saya menjadi ahli Bulan Sabit Merah. Saya suka membuat kerja-kerja sukarela. • Simulasi memujuk pihak lain untuk memilih seseorang memegang jawatan pengerusi kelab atau persatuan dengan mengemukakan pendapat yang sesuai.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	<p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none">i. Merayu dengan menggunakan strategi yang berkesan untuk memujuk pihak lain.ii. Melahirkan rasa hati dengan berterus terang secara berhemah.	<ul style="list-style-type: none">• Melakonkan sketsa penjual mempromosikan sesuatu barangan dengan cara berhemah dan gaya yang dapat menarik perhatian pelanggan.• Berdialog untuk melahirkan rasa hati secara berterus terang dan berhemah. <p>Contoh situasi: Murid berdialog dengan guru untuk melahirkan rasa tidak puas hati terhadap jadual tugas harian kelas.</p>

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>1.5 Memberikan penjelasan tentang sesuatu perkara yang tersurat dan tersirat dengan menggunakan kata, ungkapan dan ayat yang sesuai.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Menyatakan maksud pernyataan yang tersurat dan tersirat berdasarkan intonasi.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Menjelaskan maksud diksi, frasa, ungkapan dan ayat dalam sesuatu pengucapan.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Menyatakan pengajaran yang terdapat dalam bahan secara analitis.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menonton sedutan lakonan dan menyatakan maksud ungkapan berdasarkan intonasi penutur dalam lakonan tersebut. Contoh: Dialog menantu kepada ibu mertuanya dalam filem Ibu Mertuaku “Mengapakah kamu dilahirkan sebagai manusia, bukan binatang?” • Simulasi ucapan ketua murid sempena Hari Guru. Murid lain mendengar dengan teliti dan mengecam diksi, frasa, ungkapan dan ayat yang menarik dalam ucapan itu. • Menjelaskan maksud diksi, frasa, ungkapan dan ayat dalam ucapan itu. • Menjalankan sumbang saran untuk meneliti nilai-nilai murni yang terdapat dalam teks yang boleh dijadikan pengajaran seperti baik hati dan kesederhanaan.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>1.6 Menyatakan sesuatu kemahuan semasa menjalankan transaksi untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan.</p>	<p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mendapatkan penjelasan tentang sesuatu barang dan perkhidmatan yang diperlukan. ii. Berbincang untuk mendapatkan persetujuan semasa berurusan. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Memujuk dengan menggunakan ayat dan intonasi yang sesuai untuk meyakinkan sesuatu pihak semasa berurusan. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Berbincang untuk menetapkan perjanjian dalam sesuatu urusan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Main peranan antara pemandu teksi dengan penumpang. Penumpang ingin mendapatkan penjelasan dan persetujuan tentang tambang, jarak, masa perjalanan dan laluan untuk pergi ke satu tempat. • Lakonan seorang jurujual membuat promosi tentang sesuatu barang atau perkhidmatan. Contoh: Mempromosikan kereta mainan dari aspek harga, model dan keistimewaan. • Dialog antara pesakit dengan doktor semasa menetapkan tarikh dan masa janji temu untuk mendapatkan rawatan.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>2.0 Bercerita dan melaporkan sesuatu perkara yang didengar, ditonton, dibaca atau dialami</p> <p>2.1 Bercerita dengan menggunakan kata, frasa, ayat serta sebutan dan intonasi yang baik dan jelas.</p>	<p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Bercerita secara spontan mengenai sesuatu perkara dengan nada, intonasi dan gaya yang sesuai. ii. Menyatakan pendapat tentang sesuatu kejadian yang didengar dengan menggunakan bahasa yang betul. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menceritakan sesuatu peristiwa dengan penuh penghayatan menggunakan bahasa, gaya dan intonasi yang baik. 	<ul style="list-style-type: none"> • Bercerita tentang rancangan televisyen atau filem yang diminati dan menjelaskan sebab meminati rancangan tersebut. • Memberikan pendapat tentang isu yang dipaparkan pada gambar tunggal. Contoh: Gambar daripada keratan akhbar tentang kejadian tanah runtuh. • Aktiviti kumpulan membina cerita berdasarkan situasi yang diberi dalam kad aktiviti. Contohi: Aktiviti yang menggambarkan suasana sedih, gembira, cemas atau lucu. <p>Nota: Gunakan teknik improvisasi.</p>

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	<p>Aras 3</p> <p>i. Mengulas tentang sesuatu kejadian yang didengar dengan menggunakan bahasa yang betul.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Memberikan pendapat atau komen tentang sesuatu kejadian. Contoh: Komen tentang kejayaan rakan dalam pertandingan melukis.<ul style="list-style-type: none">- usaha- kegigihan- sokongan- disiplin

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>2.2 Melaporkan sesuatu perkara dengan menggunakan bahasa yang sesuai dan tepat.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Menyampaikan hasil pemerhatian yang dilakukan dengan menggunakan laras bahasa yang sesuai.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Mempersembahkan hasil kerja dengan jelas, isi yang padat dan laras bahasa yang sesuai.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Membentangkan tindakan susulan bagi menyelesaikan sesuatu tugas.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menyaksikan rakaman ulasan selari pertandingan badminton. • Membuat ulasan selari dengan meniru cara penyampai dalam rakaman. <p>Nota: Guru hendaklah membimbing murid menggunakan istilah yang betul untuk permainan badminton.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membentangkan hasil kerja berupa projek, lukisan atau buku skrap dengan menggunakan kertas sebak, lut sinar (OHP) atau komputer (powerpoint). Contoh: Projek keceriaan kelas • Menyelesaikan masalah berdasarkan situasi yang diberi. Contoh situasi: Mencari laluan keluar setelah sesat semasa aktiviti kembara. • Melaporkan tindakan susulan mengatasi masalah sesat semasa aktiviti kembara.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>3.0 Menyampaikan maklumat kepada pihak lain dengan pengucapan yang mudah, betul, menarik dan berkesan</p> <p>3.1 Menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara atau tajuk dengan menggunakan kata, istilah, frasa, ayat yang tepat dan laras bahasa yang sesuai.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Mengkategorikan isi penting berdasarkan topik.</p> <p>ii. Mengemukakan isi yang diperoleh dengan jelas.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Menganalisis data berdasarkan sesuatu perkara.</p> <p>ii. Menyusun dan menyampaikan maklumat dengan menggunakan laras bahasa yang sesuai.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mengelaskan produk mengikut jenis berdasarkan label. Contoh: Makanan kesihatan, kosmetik, barangan penjagaan kulit dan barangan pencuci. • Menyatakan maklumat sesuatu produk mengikut kategori berdasarkan label. • Meneliti dan menyusun maklumat berdasarkan sesuatu topik. Contoh: Menyusun maklumat markah ujian mengikut: <ul style="list-style-type: none"> - Bilangan murid yang mendapat markah A, B, C, D, dan E. - Bilangan murid yang gagal dan lulus mengikut jantina. - Peratus murid yang lulus dan gagal. • Mempersembahkan hasil analisis dalam bentuk persembahan data.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	<p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none">i. Mensintesis data yang diperoleh berdasarkan sesuatu perkara. ii. Membentangkan kesimpulan berdasarkan perkara yang diteliti dengan menggunakan laras bahasa secara tepat dan padat.	<ul style="list-style-type: none">• Menganalisis data dan membentangkan kesimpulan. Contoh: Skor rumah sukan dan rumusan pencapaian. • Melaporkan kesimpulan dapatan data dengan jelas dan tepat.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>3.2 Menghuraikan maklumat dengan alasan yang meyakinkan.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Menghubungkan sebab dan akibat dengan memberikan alasan yang rasional.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Mengembangkan idea berdasarkan dapatan dengan mengemukakan bukti yang sah.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Mengulas fakta tentang sesuatu topik dengan mengemukakan bukti yang wajar.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Melihat gambar satu situasi yang diberi dan memikirkan kesan daripada situasi tersebut. Contoh: Gambar beberapa orang penagih dadah yang terbaring di sebuah rumah usang. • Membincangkan kesan penagihan dadah terhadap diri, ibu bapa, keluarga dan masyarakat. • Berbincang tentang permainan tradisional dengan merujuk sumber untuk mendapatkan maklumat tentang asal usul, cara bermain dan faedah. • Mengkaji kitaran hidup haiwan seperti katak dan nyamuk. • Menjelaskan kitaran hidup haiwan tersebut berdasarkan maklumat dengan mengemukakan bukti.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>3.3 Menyampaikan maklumat kepada pihak lain dalam aktiviti terancang.</p>	<p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Memilih dan membentangkan hujah yang bernas dengan intonasi, sebutan dan gaya bersahaja. ii. Membidas hujah dengan alasan yang kukuh menggunakan kesantunan bahasa. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menyampaikan pengucapan umum tentang sesuatu tajuk dengan menggunakan diksi, ayat, sebutan, intonasi dan gaya yang sesuai. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Melahirkan perasaan dengan menggunakan diksi, ayat dan unsur paralinguistik secara meyakinkan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Simulasi mesyuarat membentangkan satu cadangan. Contoh: Mencadangkan kelas mengadakan lawatan ke Pusat Sains. Murid diminta memberi pendapat untuk menyokong atau menolak cadangan dengan memberikan alasan menggunakan bahasa yang bersantun. • Pengucapan umum. Guru memberi tema dan murid berbincang untuk <ul style="list-style-type: none"> - menentukan tajuk - menentukan isi - membuat draf • Menyampaikan pengucapan dengan gaya dan sebutan yang betul. • Bercerita dengan penuh perasaan. <ul style="list-style-type: none"> - penghayatan - kontak mata - memek muka - intonasi - sebutan

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>4.0 Berbincang tentang tajuk-tajuk yang relevan secara bertatasusila</p> <p>4.1 Mengemukakan idea, pandangan dan pendapat tentang sesuatu perkara secara terperinci, tepat dan tersusun.</p>	<p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mengamati inti pati perbincangan untuk menyuarakan pandangan yang meyakinkan. ii. Menyuarakan pandangan tentang sesuatu isi. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menyumbang idea yang bernas dalam sesuatu diskusi dengan terperinci. 	<ul style="list-style-type: none"> • Berbincang tentang sesuatu topik seperti kelas tambahan perlu untuk murid darjah enam. <ul style="list-style-type: none"> - mendengar dengan teliti idea yang disampaikan oleh ahli kumpulan. - memberikan respons terhadap idea yang disampaikan secara bertatasusila. • Aktiviti diskusi bertajuk `Kapal Karam` Wujudkan satu situasi untuk murid menyumbang idea dalam menyelesaikan masalah. <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-top: 10px;"> <p><u>Contoh situasi:</u></p> <p>Anda ialah kapten sebuah kapal yang akan karam. Untuk menyelamatkan keadaan, anda diminta memilih lima orang termasuk diri anda, untuk menaiki perahu dan menyelamatkan diri ke sebuah pulau. Tentukan empat orang lagi daripada yang berikut: Seorang doktor, seorang jurutera, seorang petani, seorang penyanyi terkenal, seorang saintis, seorang arkitek, seorang askar dan seorang ahli ekonomi.</p> </div>

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	<p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none">i. Menganalisis persoalan untuk memberikan maklum balas.ii. Menghuraikan idea yang meyakinkan dengan laras bahasa yang betul.	<ul style="list-style-type: none">• Menjalankan pidato yang bertajuk: Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan. Latih murid mengikuti proses berikut:<ul style="list-style-type: none">- mengkaji isu yang dikemukakan.- mencari maklumat yang berkaitan.- mencatat maklumat.- menyampaikan maklumat dengan bahasa yang betul dan contoh yang baik.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>4.2 Mengemukakan komen yang sesuai berdasarkan pemerhatian, pengalaman dan maklumat yang disampaikan oleh pihak lain.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Mengemukakan pandangan sama ada menyokong atau membangkang sesuatu perkara berdasarkan maklumat yang disampaikan oleh pihak lain secara bersopan.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Memberikan kritikan yang positif secara bertatasusila tentang sesuatu perkara berdasarkan pemerhatian.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Memberikan komen dan cadangan balas yang membina tentang sesuatu perkara berdasarkan pengalaman secara bersopan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Membahaskan sesuatu isu yang sesuai. Contoh: Kelas bimbingan membantu murid dalam pembelajaran. • Mengadakan forum untuk mengulas sesuatu isu yang dikemukakan. Contoh: Peperiksaan membebaskan murid. • Simulasi seorang murid menerima hadiah daripada guru. Murid lain memberikan pandangan dan cadangan tentang perkara yang sepatutnya dilakukan semasa menerima hadiah tersebut.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>4.3 Mengemukakan hujah untuk menyokong atau menentang pendirian dengan memberikan alasan yang sesuai secara sopan.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Menyokong atau membangkang sesuatu tajuk perbahasan dengan mengemukakan hujah yang rasional.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Menegaskan hujah untuk menyokong atau menentang sesuatu tajuk perbahasan dengan memberikan alasan yang konkrit.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Mengemukakan soalan untuk mematahkan hujah lawan dengan sopan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Membahaskan sesuatu usul atau cadangan yang dikemukakan. Contoh usul: Waktu persekolahan patut dipendekkan bermula dari pukul 8.00 pagi hingga pukul 1.00 tengah hari sahaja. • Perbincangan cara untuk menceriakan kelas dengan memberikan contoh untuk menyokong atau menentang cadangan itu. • Menyoal untuk membidas isu yang ditimbulkan. Contoh isu: Disiplin bermula dari sekolah. Contoh soalan: Tidakkah terlewat untuk membentuk disiplin murid?

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>4.4 Menyatakan pilihan untuk menerima atau menolak pendapat dalam perundingan untuk mencapai kata sepakat.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Mengemukakan alasan untuk menerima atau menolak sesuatu pendapat.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Mempengaruhi pihak lain untuk menerima pandangan dengan menggunakan bahasa memujuk.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti stesen. Setiap stesen disediakan satu pernyataan tentang sesuatu topik. Murid diminta mengumpulkan semua pernyataan tersebut dan memberikan pandangan untuk menerima atau menolak pernyataan tersebut dengan alasan. Contoh pernyataan: <ul style="list-style-type: none"> - Kebersihan tandas tanggungjawab murid. - Ibu bapa penentu utama kejayaan murid. • Simulasi memujuk rakan menyertai sesuatu program sekolah. Contoh program: Lawatan ke Pusat Pentadbiran Kerajaan Putrajaya.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	<p>Aras 3</p> <p>i. Menerima atau menolak pandangan dengan memberikan alasan yang rasional dalam sesuatu perundingan untuk mendapatkan persetujuan.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Perbincangan untuk mendapatkan kata putus sama ada menerima atau menolak sesuatu cadangan. Contoh cadangan: Menentukan gerai jualan makanan pada Hari Kantin.

Kemahiran Membaca merujuk kepada keupayaan murid membaca dengan sebutan, intonasi, jeda, dan kelancaran yang betul. Penekanan perlu diberikan pada aspek pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan ilmu dan sastera secara kritis dengan menggunakan pelbagai teknik bacaan. Di samping itu, murid berupaya menghayati teks yang dibaca.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>5.0 Membaca kuat dengan kelancaran sebutan, intonasi dan gaya pembacaan yang sesuai</p> <p>5.1 Membaca kuat perkataan dan ayat dengan sebutan dan intonasi yang betul dan memahami perkara yang dibaca.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Membaca perkataan, rangkai kata ayat tunggal dan ayat majmuk dengan sebutan dan intonasi yang betul.</p> <p>ii. Memahami perkataan, rangkai kata dan ayat yang dibaca.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Membaca pelbagai jenis ayat dengan memberikan penekanan pada intonasi berdasarkan tanda baca.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Meneliti bacaan rakan dan memilih bacaan yang terbaik dari segi sebutan dan intonasi. • Mengajuk bacaan yang terbaik. • Membina ayat dengan menggunakan perkataan dan rangkai kata yang dipetik daripada teks yang dibaca. • Menonton sedutan bacaan pelbagai genre dan meniru gaya pembacaan yang betul bagi setiap genre. Contoh genre: Berita, perbahasan, perutusan, pengumuman dan pengisytiharan.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	<p>Aras 3</p> <p>i. Membaca teks dengan sebutan dan intonasi yang betul.</p> <p>ii. Menghuraikan maksud ayat yang dibaca.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Simulasi aktiviti uji bakat membaca berita.<ul style="list-style-type: none">- bacaan murid dirakam dan diperdengarkan semula kepada kelas.- guru memberikan komen untuk membetulkan bacaan.- bacaan yang baik akan dipilih.• Membaca teks sekali lagi untuk menghuraikan maksud ayat yang dibaca.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>5.2 Membaca kuat teks prosa dan puisi dengan sebutan dan intonasi yang betul dan lancar serta memahami perkara yang dibaca.</p>	<p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Membaca bahan berunsur ilmu dengan sebutan dan intonasi yang betul. ii. Menjawab soalan pemahaman berdasarkan teks yang dibaca. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Membaca bahan sastera dengan sebutan dan intonasi yang betul. ii. Menyatakan maklumat penting dalam bahan yang dibaca. 	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti permainan jual beli soalan bertajuk 'Tiada Masalah' <ul style="list-style-type: none"> - membaca untuk memahami kandungan teks. - berbincang dalam kumpulan untuk menentukan soalan yang akan dibina. - mencatat soalan pada kertas dan digulung. - lontarkan soalan yang digulung itu kepada kumpulan lain untuk dijawab. - kumpulan tersebut menjawab pada bahagian belakang kertas soalan, gulung semula dan lontarkan kepada kumpulan pertama. - kumpulan yang banyak menjawab soalan dengan tepat akan menang. • Menyampaikan puisi dengan sebutan dan intonasi yang betul. • Menghuraikan isi penting dalam puisi yang dibaca.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	<p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none">i. Membaca teks pelbagai laras bahasa dengan lancar, sebutan dan intonasi yang betul serta gaya yang sesuai.ii. Menjelaskan persoalan berdasarkan teks yang dibaca.	<ul style="list-style-type: none">• Membaca teks yang berkaitan dengan muzik.• Memahami kata kunci yang terdapat dalam soalan dan memberikan jawapan.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>6.0 Membaca dan memahami maklumat yang terdapat dalam pelbagai teks</p> <p>6.1 Membaca dan merujuk pelbagai sumber untuk mendapatkan maklumat bagi tajuk yang sedang dikaji termasuk maklumat daripada internet.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Merujuk kamus untuk mencari makna, sebutan yang betul, ejaan dan penggunaan perkataan yang tepat.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Merujuk media elektronik untuk mendapatkan maklumat bagi tajuk yang sedang dikaji.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Merujuk personalia dan pelbagai sumber untuk mendapatkan maklumat.</p> <p>ii. Melayari internet untuk mendapatkan maklumat berkaitan sesuatu topik.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Merujuk kamus dan mencari makna, ejaan dan sebutan yang betul bagi perkataan yang dipetik daripada teks yang dibaca. • Melayari laman web secara berhemah untuk mendapatkan maklumat terkini tentang sesuatu topik dan menentukan kesahihannya. • Menemu bual seorang personalia untuk mendapatkan sesuatu maklumat. Contoh: Menemu bual ketua kampung untuk mendapatkan maklumat tentang sejarah kampung tersebut. • Membaca dan menyaring maklumat daripada internet mengenai sesuatu topik.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>6.2 Membaca dan mengenal pasti pelbagai genre penulisan.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Mengenal pasti penggunaan kata, frasa, rangkai kata, peribahasa dan ayat dalam sesuatu genre.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Menyatakan perbezaan penggunaan laras bahasa dalam pelbagai genre.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Memberikan pandangan tentang ciri-ciri penulisan genre.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Membandingkan penggunaan kata, frasa, rangkai kata, dan ayat dalam sesuatu genre. Contoh: Membandingkan teks surat dengan laporan. • Membaca dan menggaris bawah kata, frasa, dan ayat yang berbeza konteks penggunaannya dalam kedua-dua teks yang diberi. • Mengelaskan kata-kata yang dominan dalam dua genre yang berbeza. • Menerangkan perbezaan penggunaan laras bahasa dalam kedua-dua teks tersebut. • Mencirikan sesuatu teks daripada aspek <ul style="list-style-type: none"> - format - rangkai kata - ayat pemerenggan


Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>6.3 Membaca dan mengenal pasti isi utama dan isi sampingan daripada teks.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Membaca dan mengecam isi-isi penting daripada pelbagai bahan bacaan.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Membaca dan mengenal pasti idea yang terdapat dalam teks.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Menghuraikan isi utama dan isi sampingan yang terdapat dalam teks.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Meneliti perenggan dan menggaris bawah frasa isi penting dalam teks. • Berbincang tentang sesuatu topik untuk menghubungkan topik perbincangan dengan kandungan teks yang akan dibaca. • Menggunakan teknik SQ4R untuk mengenal pasti idea atau isi utama yang terdapat dalam teks. • Aktiviti kumpulan untuk mencari isi utama dan isi sampingan. Nota: Mengetahui pasti kata kunci, frasa, ayat dalam teks yang dibaca untuk menentukan isi utama. • Membuat rujukan dan mengaitkan pengalaman dengan isi utama untuk memantapkan penjelasan.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>6.4 Membaca pantas secara luncuran untuk mendapatkan maklumat yang menyeluruh.</p>	<p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Membaca tajuk-tajuk kecil daripada teks untuk mendapatkan gambaran umum. ii. Membaca perenggan pertama dan perenggan akhir dalam sesuatu teks bagi mendapatkan maklumat umum. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Membaca bahagian pengenalan atau prakata sesebuah buku. 	<ul style="list-style-type: none"> • Membaca tajuk yang terdapat dalam akhbar. • Membaca tajuk-tajuk kecil yang terdapat dalam buku, brosur dan majalah untuk mendapatkan gambaran awal. • Membaca perenggan pertama dan perenggan akhir dalam teks untuk mendapat maklumat. • Membaca ayat pertama yang terdapat dalam setiap perenggan untuk mendapat gambaran umum. <p>Nota: Guru perlu menentukan masa membaca berdasarkan panjang teks. Membaca luncur berbeza sedikit daripada membaca pantas.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membaca pendahuluan atau prakata sesebuah buku. <p>Nota: Teknik `Z' boleh digunakan untuk membaca secara luncuran.</p>

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	<p>Aras 3</p> <p>i. Membaca sinopsis, bibliografi, indeks dan glosari sesebuah buku untuk mendapatkan gambaran umum.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Meneliti sinopsis, bibliografi, indeks dan glosari untuk mendapat maklumat lanjut atau tambahan.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>6.5 Membaca pantas secara imbasan untuk mendapatkan maklumat khusus.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Membaca dan mencari fakta yang relevan dengan perkara yang dikehendaki dalam teks.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Membaca dan mengimbas fakta yang relevan daripada pelbagai bahan untuk mengukuhkan maklumat.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Membaca dan mengumpul maklumat secara imbasan untuk membuat kesimpulan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mencari maklumat yang tersurat berdasarkan soalan apa, siapa, bila, di mana, mengapa dan bagaimana. <p>Nota: Peruntukan masa yang pendek adalah penting untuk memastikan bacaan pantas secara imbasan berkesan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membaca sambil menggaris bawah fakta-fakta yang berkaitan untuk mengukuhkan maklumat yang sedia ada. <p>Nota: Guru boleh menggunakan bahan daripada pelbagai medium seperti CD, internet, majalah dan ensiklopedia.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membaca dan menggaris bawah maklumat yang penting. • Membuat kesimpulan berdasarkan maklumat yang diperoleh dalam kumpulan.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>6.6 Membaca dan membuat ramalan berdasarkan sesuatu cerita atau maklumat yang diberikan.</p>	<p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menyusun maklumat daripada pelbagai bahan yang dibaca untuk membuat ramalan. ii. Membuat andaian berdasarkan fakta atau maklumat yang diperoleh. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Membuat ramalan berdasarkan idea yang berkaitan dengan cerita dan isu yang diberi dalam perenggan awal bahan yang dibaca. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menganalisis maklumat yang terdapat dalam teks untuk mendapatkan kewajaran ramalan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Membuat inferens daripada bahan rangsangan. Contoh: Menggunakan bahan lukisan untuk memerhati gambar, menyusun maklumat dan membuat andaian. <div data-bbox="1547 552 1789 753" style="text-align: center;"> </div> <ul style="list-style-type: none"> • Membaca bahagian awal cerita dan meramal kesudahan cerita tersebut. • Mengenal pasti maklumat untuk menentukan kewajaran ramalan. Contoh: Meneliti carta bar tentang makanan kegemaran murid dan membuat ramalan kesan tabiat makan yang tidak seimbang.


Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>7.0 Membaca, menaakul dan menghayati kandungan teks yang dibaca</p> <p>7.1 Membaca dan menerangkan maksud kandungan teks yang tersurat dan tersirat.</p>	<p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none">i. Membaca dan membuat andaian tentang sesuatu perkara yang tersirat berdasarkan maklumat yang tersurat.ii. Menyatakan andaian yang dibuat secara ringkas. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none">i. Menjelaskan maksud tersurat dan tersirat berdasarkan bahan grafik dan bukan grafik.	<ul style="list-style-type: none">• Meneliti dan mengecam ayat yang membawa maksud lain.• Menyatakan maksud tersirat mengikut andaian murid. <ul style="list-style-type: none">• Mentafsir gambar atau papan tanda untuk mencari maksud sebenar. Contoh: Isyarat jalan raya <div data-bbox="1496 986 1688 1120" style="text-align: center;"></div> <p>Gambar menunjukkan laluan untuk pejalan kaki.</p>


Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	<p>Aras 3</p> <p>i. Membuat kesimpulan tentang maksud tersurat dan tersirat berdasarkan bahan grafik dan bukan grafik.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Meneliti lirik lagu patriotik dan membuat andaian maksud rangkai kata dalam lirik tersebut. Contoh: Lirik lagu: Bahtera Merdeka• Membuat kesimpulan mesej yang terdapat dalam lirik lagu tersebut.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>7.2 Membaca dan mengenal pasti perkataan, pelbagai jenis ayat dan gaya bahasa yang terdapat dalam teks sastera dan bukan sastera yang dapat membawa kesan tertentu kepada pembaca.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Mengecam diksi, istilah dan ayat yang memberikan kesan dengan menyatakan sebab.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Memilih ayat yang memberikan kesan dalam teks prosa dan puisi dengan menyatakan alasan.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Mengklasifikasikan pelbagai jenis ayat yang memberikan kesan dengan mengemukakan alasan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menonton sedutan filem atau iklan sambil meneliti dialog untuk mengenal pasti diksi, istilah dan ayat yang memberi kesan. Contoh: Iklan keselamatan jalan raya dalam televisyen. • Mendeklamasi sajak dan mengesan ayat yang meninggalkan kesan kepada pembaca. Contoh sajak: 'Ke Makam Bonda' oleh Usman Awang • Mengumpulkan dan mengelaskan ayat-ayat daripada pelbagai bahan dan genre yang dapat meninggalkan kesan kepada pembaca atau penonton. Contoh: Ayat yang membawa kesan yang dapat menginsafkan, mencuit hati dan menyedihkan.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>7.3 Membaca dan menghayati pelbagai bahan sastera dan bukan sastera yang berkualiti untuk meningkatkan dan memperkukuh minat membaca.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Menyatakan isi sesuatu teks untuk meningkatkan minat membaca.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Menyatakan ringkasan atau sinopsis teks pelbagai bahan yang dibaca.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Mengenal pasti perkara yang menarik dalam teks yang dibaca untuk meningkatkan minat membaca.</p> <p>ii. Merumuskan isi-isi menarik dalam teks yang dibaca.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Membaca dan menceritakan semula isi teks yang dibaca. • Membaca teks dan membuat catatan ringkas isi teks tersebut. • Melaporkan kandungan teks yang dibaca. • Merumuskan dan menceritakan isi-isi menarik dalam teks yang dibaca.

Kemahiran Menulis merujuk kepada keupayaan murid menulis perkataan dan ayat, serta mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan kreatif yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi dengan menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas dan kemas. Murid juga digalakkan menggunakan kreativiti mereka untuk menghasilkan penulisan bahan ilmu dan imaginatif.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>8.0 Menggunakan pelbagai jenis ayat dan wacana dalam penulisan</p> <p>8.1 Membina dan menulis perkataan, ayat tunggal dan ayat majmuk.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Menulis pelbagai jenis ayat.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Membina ayat tunggal dan ayat majmuk daripada bahan rangsangan. Contoh bahan rangsangan: <div data-bbox="1503 783 1693 967" style="text-align: center;"></div> <p>Ayat yang boleh dibina:</p> <ol style="list-style-type: none">a. Albert dan ibunya akan menyambut Hari Natal esok.b. Ibu Albert membaca kad Hari Natal yang dikirim anaknya.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	<p>Aras 2</p> <p>i. Membina ayat majmuk dengan menggunakan kata hubung.</p>	<ul style="list-style-type: none">Membina ayat majmuk dengan menggunakan teknik 'PERMATA' Contoh:  <pre>graph TD; Laut((Laut)) --- pantai[pantai]; Laut --- angin[angin]; Laut --- panas[panas]; Laut --- ikan[ikan]; Laut --- perahu[perahu]; Laut --- mandi[mandi];</pre> <p>Contoh ayat: Pantai Morib cantik dan bersih.</p>

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	<p>Aras 3</p> <p>i. Membina ayat tunggal dan ayat majmuk dengan peluasan subjek dan predikat.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Permainan perluasan ayat. Cara:<ul style="list-style-type: none">a. Seorang murid akan membina ayat di papan tulis. Contoh: Ayah suka memancing.b. Murid kedua menambah sama ada di bahagian subjek atau predikat Contoh: Ayah Abu suka memancing.c. Aktiviti ini diteruskan kepada murid lain sehingga ayat yang dibina lengkap.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>8.2 Membina dan menulis ayat tunggal dan ayat majmuk dalam sesuatu penulisan teks tentang sesuatu tajuk.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Membina ayat tunggal dan ayat majmuk berdasarkan tajuk.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Membina perenggan dengan menggunakan ayat tunggal dan ayat majmuk.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Menggunakan pelbagai jenis dan ragam ayat untuk membina teks berkaitan sesuatu tajuk.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pertandingan lumba bina ayat. Cara: Murid membina ayat tunggal dan majmuk dalam masa tertentu berdasarkan tajuk yang diberi. <p>Nota: Markah dikira daripada aspek masa, bilangan, dan kualiti.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menonton sedutan filem atau drama bisu untuk membina perenggan yang mengandungi ayat tunggal dan ayat majmuk. <ul style="list-style-type: none"> • Mengarang berdasarkan tajuk yang diberi. <p>Nota: Pastikan dalam satu perenggan mengandungi sekurang-kurangnya dua daripada jenis atau ragam ayat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - ayat penyata - ayat seruan - ayat tanya - ayat perintah - ayat pasif - aktif aktif

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>8.3 Menulis perkataan dan ayat dengan tulisan berangkai yang kemas.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Menulis perkataan dengan tulisan berangkai dengan kemas dan cantik.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Menulis ayat dalam tulisan berangkai dengan kemas dan cantik.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Menulis ayat dalam perenggan dengan menggunakan tulisan berangkai yang kemas dan cantik.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menyalin perkataan dengan tulisan berangkai yang kemas dan cantik. • Memindahkan teks tulisan manuskrip kepada tulisan berangkai dengan kemas dan cantik. • Menghasilkan bahan kreatif dengan menggunakan tulisan berangkai. Contoh: <ul style="list-style-type: none"> - kad ucapan - poster - kata-kata hikmat

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>8.4 Membina dan menulis ayat topik dan ayat huraian berdasarkan sesuatu perkara.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Menyatakan isi utama dan menghuraikan isi utama dengan menggunakan ayat yang gramatis.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Menyatakan isi sampingan dan menghuraikan isi sampingan supaya menjadi ayat yang gramatis.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Membina isi utama dan isi sampingan supaya menjadi perenggan yang koheran.</p> <p>ii. Menghuraikan penggunaan penanda wacana yang sesuai untuk menghubungkan ayat topik dengan ayat huraian.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan kata kunci untuk membina ayat isi. • Mengembangkan ayat isi dengan menggunakan teknik penyoalan. • Mendapatkan contoh konkrit dengan cara berbincang tentang isi-isi sampingan. • Membina ayat contoh berdasarkan isi sampingan. • Mencatat isi utama dan isi sampingan yang saling berkait. • Memilih dan menulis penanda wacana yang sesuai untuk menyambung ayat topik dengan ayat huraian.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>8.5 Mengenal pasti dan menggunakan penanda wacana yang sesuai dalam satu perenggan atau antara perenggan bagi sesebuah karangan.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Mengemukakan isi mengikut urutan dengan menggunakan penanda wacana yang sesuai.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Menyusun isi dan menggunakan penanda wacana untuk menghasilkan pemerenggan yang kohesi.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Menghubungkan isi utama dengan isi sampingan dengan menggunakan penanda wacana untuk menghasilkan perenggan yang koheren dan kohesi.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menyusun isi mengikut urutan. • Membina ayat untuk membentuk perenggan dengan menggunakan penanda wacana. • Memilih penanda wacana yang sesuai untuk membina perenggan yang ada pertautan antaranya. • Menghasilkan karangan yang lengkap berdasarkan kerangka isi.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>8.6 Membina wacana yang sempurna bagi keseluruhan karangan.</p>	<p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menggunakan pengurusan grafik bagi mengenal pasti isi yang sesuai untuk membuat kerangka penulisan. ii. Menulis karangan yang lengkap bersesuaian dengan format. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menggunakan kata, frasa dan ayat yang menarik untuk membina pelbagai jenis perenggan isi. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menulis karangan yang lengkap menepati ciri-ciri wacana yang baik. 	<ul style="list-style-type: none"> • Berbincang untuk membuat kerangka karangan berdasarkan tajuk yang diberi. • Menulis karangan yang lengkap berdasarkan kerangka. • Merangka karangan dan membina draf pertama. • Berbincang untuk membaiki draf dengan memberi penekanan kepada kata, frasa dan ayat yang baik. • Mengarang sebuah karangan. <p>Nota: Karangan yang baik mestilah memenuhi ciri-ciri berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - kejelasan idea - pertautan dan kesinambungan idea - bebas daripada kesalahan tatabahasa - menepati format.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>9.0 Mencatat dan menyusun maklumat</p> <p>9.1 Mengambil imlak teks yang diperdengarkan.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Mengambil imlak ayat dengan ejaan dan tanda baca yang betul.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Mengambil imlak teks dengan ejaan dan tanda baca yang betul.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Mengambil imlak teks pelbagai laras dengan ejaan dan tanda baca yang betul.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mencatat perkataan, rangkai kata dan ayat yang dibaca dengan ejaan dan tanda baca yang betul serta tulisan yang kemas dan jelas. • Mengambil catatan teks yang diperdengarkan. <ul style="list-style-type: none"> - mendengar pembacaan teks yang diulang dua kali dengan teliti. - mencatat teks yang diperdengarkan dengan ejaan dan tanda baca yang betul. - menyemak catatan apabila teks diperdengarkan sekali lagi. • Simulasi setiausaha mencatat nota yang dibaca oleh ketua. <ul style="list-style-type: none"> - mendengar dengan teliti pembacaan nota - mencatat nota yang diperdengarkan dengan ejaan dan tanda baca yang betul. - menyemak catatan.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>9.2 Mengenal pasti maklumat dan mencatat nota daripada bahan yang didengar atau dibaca.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Mengenal pasti maklumat yang diperdengarkan dan membuat catatan.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Menterjemah maklumat dalam bentuk lakaran kerangka.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Membuat ringkasan berkaitan teks yang dibaca.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mendengar pengumuman tentang sesuatu perkara dan membuat catatan ringkas. • Membaca catatan. • Mendapatkan maklumat berupa isi-isi penting. • Menterjemahkan maklumat dalam bentuk grafik. • Membuat persembahan maklumat. • Mengenal pasti ayat-ayat isi. • Menyusun semula ayat isi menjadi perenggan. • Menyemak hasil kerja.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota												
<p>9.3 Menyusun maklumat secara kohesi daripada nota atau catatan hasil daripada bahan yang didengar atau dibaca.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Menulis dan menyusun maklumat mengikut kronologi.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Mengklasifikasikan maklumat berdasarkan topik yang dikemukakan mengikut keutamaan.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Menentukan kesesuaian susunan maklumat dengan mengemukakan alasan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber. • Bekerja dalam kumpulan menyusun maklumat mengikut urutan. Contoh: Takwim sekolah Atur cara majlis • Mengasingkan maklumat berdasarkan topik. • Menyusun maklumat mengikut hierarki Contoh: Perjawatan di sekolah. <table border="1" data-bbox="1397 871 1895 1102"> <thead> <tr> <th>Pengurusan</th> <th>Persatuan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Guru Besar</td> <td>Penasihat</td> </tr> <tr> <td>Guru Penolong Kanan</td> <td>Pengerusi</td> </tr> <tr> <td>Guru Penolong Kokurikulum</td> <td>Naib Pengerusi</td> </tr> <tr> <td>Guru Panitia</td> <td>Setiausaha</td> </tr> <tr> <td>Guru</td> <td>Bendahari</td> </tr> </tbody> </table> <ul style="list-style-type: none"> • Mengumpul isi-isi penting berdasarkan tajuk karangan dan fakta. Contoh: Faedah membaca • Menyusun isi-isi tersebut mengikut keutamaan dengan mengemukakan alasan. 	Pengurusan	Persatuan	Guru Besar	Penasihat	Guru Penolong Kanan	Pengerusi	Guru Penolong Kokurikulum	Naib Pengerusi	Guru Panitia	Setiausaha	Guru	Bendahari
Pengurusan	Persatuan													
Guru Besar	Penasihat													
Guru Penolong Kanan	Pengerusi													
Guru Penolong Kokurikulum	Naib Pengerusi													
Guru Panitia	Setiausaha													
Guru	Bendahari													

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>10.0 Menghasilkan penulisan kreatif dan bukan kreatif</p> <p>10.1 Menghasilkan pelbagai genre (prosa dan puisi) termasuk e-mel yang mudah, menarik dan bermakna.</p>	<p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mengenal pasti isi daripada pelbagai sumber berdasarkan tajuk. ii. Membina draf karangan yang lengkap. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Melakukan transformasi maklumat dalam teks kepada pelbagai genre. ii. Menulis karangan menggunakan bahasa yang kreatif. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menghasilkan prosa dan puisi secara terancang, tertib dan kemas dengan menggunakan bahasa yang tepat, indah dan menarik. 	<ul style="list-style-type: none"> • Merujuk pelbagai sumber untuk mendapatkan maklumat. • Membina kerangka karangan berdasarkan maklumat yang diperolehi. • Menulis karangan lengkap. • Memindahkan maklumat daripada teks yang disediakan kepada genre yang sesuai. Contoh: Maklumat daripada catatan harian dipindahkan dalam bentuk genre keperihalanan, berita, laporan atau surat kiriman. • Menulis prosa berdasarkan tajuk yang diberi. • Mencipta puisi berdasarkan tajuk yang ditetapkan.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
10.2 Mengedit dan memurnikan hasil penulisan.	<p>Aras 1</p> <p>i. Mengenal pasti dan membetulkan kesilapan ejaan, perkataan, frasa dan tanda baca dalam teks.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Mengenal pasti dan membetulkan kesilapan penggunaan kata dan struktur ayat.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Menyemak dan membetulkan kesilapan ejaan, perkataan dan tanda baca dalam petikan.• Menulis petikan yang telah diedit. • Menyemak dan menyunting kesilapan penggunaan kata dan struktur ayat.• Menulis karangan yang telah diedit.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	<p>Aras 3</p> <p>i. Mengedit dan membetulkan kesatuan idea dalam penulisan.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Menyemak dan membetulkan kesilapan keseluruhan karangan. <p>Nota: Guru hendaklah melatih murid mengedit karangan menggunakan simbol kesalahan yang diamalkan oleh Lembaga Peperiksaan.</p> <p>/ - kesalahan ejaan // - kesalahan ejaan yang diulang ○ - kesalahan tanda baca - - - - - kesalahan penggunaan imbuhan _____ kesalahan kosa kata ~ ~ ~ ~ ~ kesalahan struktur ayat () - teks yang terkeluar daripada tajuk [] - perenggan yang terkeluar daripada tajuk</p>

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota				
<p>10.3 Membuat ringkasan daripada bahan yang didengar dan dibaca.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Membezakan isi penting dengan isi sampingan untuk membuat ringkasan.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Menyatakan isi penting yang telah diringkaskan daripada bahan yang dibaca.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Membuat ringkasan daripada bahan prosa dalam bentuk perenggan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mengasingkan isi penting dan isi sampingan daripada petikan. • Mengisi Lembaran pengurusan grafik. Contoh: <table border="1" data-bbox="1402 587 1901 759"> <thead> <tr> <th data-bbox="1402 587 1641 624">Isi Penting</th> <th data-bbox="1641 587 1901 624">Isi Sampingan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1402 624 1641 759"></td> <td data-bbox="1641 624 1901 759"></td> </tr> </tbody> </table> <ul style="list-style-type: none"> • Meringkaskan karangan berdasarkan isi penting. • Mengecam isi penting sesuatu teks. • Meringkaskan kandungan teks tersebut berdasarkan isi penting yang telah dikenal pasti. • Meringkaskan karangan daripada bahan prosa dalam bentuk perenggan. 	Isi Penting	Isi Sampingan		
Isi Penting	Isi Sampingan					

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>11.0 Membuat ulasan tentang bahan yang didengar, ditonton atau dibaca</p> <p>11.1 Menyatakan pandangan tentang perkara yang menarik dalam sesebuah karya.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Memberikan komen tentang perkara yang menarik dalam sesebuah karya.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Membahaskan kekuatan yang terkandung dalam sesebuah karya.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Merumuskan maklumat yang menarik dalam sesebuah karya secara kritis.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mengaris bawah perkataan, ayat yang menarik dalam sesebuah karya. • Menyatakan secara bertulis sebab perkataan dan ayat tersebut dianggap menarik dengan memberikan contoh. • Mengadakan perbahasan kelas tentang tajuk “Kekuatan yang terkandung dalam karya....” • Mencatat perkara yang menarik dalam karya yang dibahaskan. • Membuat kesimpulan secara kritis tentang maklumat yang menarik dalam karya yang dibaca. • Mencatat rumusan yang telah dibuat.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>11.2 Mengulas karya bukan sastera dari aspek penggunaan perkataan, idea, ayat, wacana, nilai dan pengajaran.</p>	<p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menyenaraikan perkataan, idea, ayat dan penanda wacana yang menarik dalam karya yang dibaca. ii. Menyatakan pendapat mengenai penggunaan ayat yang menarik serta nilai dan pengajaran yang terdapat dalam karya yang dibaca. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menjelaskan perkara yang menarik dalam sesebuah karya daripada aspek penggunaan perkataan, ayat, penanda wacana, nilai dan pengajaran. 	<ul style="list-style-type: none"> • Mencatat perkara yang menarik dalam teks yang dibaca dari aspek perkataan, idea, ayat dan penanda wacana. • Memberikan pendapat tentang perkara yang menarik dan nilai serta pengajaran yang terdapat dalam karya tersebut. • Berbincang dalam kumpulan kecil untuk mengenal pasti perkara yang menarik dalam karya yang dibaca. • Menceritakan perkara yang menarik dalam karya tersebut.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	<p>Aras 3</p> <p>i. Merumus perkara yang menarik serta nilai dan pengajaran yang diperoleh daripada bacaan secara kritis.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Membuat kesimpulan secara kritis tentang perkara yang menarik serta nilai dan pengajaran yang terkandung dalam karya yang dibaca.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>11.3 Mengulas karya sastra yang mudah secara umum dari aspek tema dan persoalan, watak dan perwatakan, nilai dan pengajaran dan gaya bahasa.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Menjelaskan tema dan persoalan sesebuah karya sastra.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Menghuraikan nilai dan pengajaran yang terdapat dalam sesebuah karya sastra.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Perbincangan kumpulan untuk menentukan tema dan persoalan sesebuah karya yang dibaca. • Menjelaskan hasil perbincangan dalam bentuk lembaran pengurusan grafik (LPG). • Mengenal pasti nilai dan pengajaran yang terdapat dalam karya yang dibaca. • Menjalankan aktiviti sumbang saran untuk melengkapkan maklumat. • Memberikan maklumat lengkap tentang nilai dan pengajaran dalam karya yang dibaca.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	<p>Aras 3</p> <p>i. Mengulas gaya bahasa sesebuah karya sastera.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Mencatat dan mengklasifikasikan<ul style="list-style-type: none">- diksi- frasa- ungkapan- jenis ayat • Membuat catatan dalam bentuk lembaran pengurusan grafik (LPG).

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>11.4 Memberikan komen dan pandangan tentang pendapat yang disampaikan oleh pihak lain.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Memberikan pandangan terhadap pendapat pihak lain tentang sesuatu bahan.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Membahaskan pendapat pihak lain tentang sesebuah karya secara kritis dan kreatif.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Merumus pandangan pelbagai pihak tentang pendapat yang disampaikan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Meneliti dan memberikan komen terhadap pandangan yang ditulis oleh pembaca dalam akhbar. Contoh: Pandangan pembaca dalam ruangan surat pembaca atau komentar pembaca. • Aktiviti kumpulan menghasilkan logo kumpulan dan membentangkan pendapat kumpulan mengenai logo tersebut. • Kumpulan lain memberikan komen secara kritis dan kreatif terhadap pendapat tersebut. • Menjalankan aktiviti temu bual untuk mendapatkan komen pelbagai pihak tentang sesuatu isu. Contoh isu: Sistem persekolahan satu sesi baik untuk murid. • Membuat rumusan dapatan temu bual tersebut.

**Pusat Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia**

***Curriculum Development Centre
Ministry of Education Malaysia***

